

**PEMIKIRAN AKHLAK SULTAN ALAUDDIN SULEIMAN SHAH:
TINJAUAN TERHADAP KARYA NASIHAT PEMELIHARAAN GURU – MELATIH
KELAKUAN PERJALANAN ADAB KANAK-KANAK**
(Sultan Alauddin Suleiman Shah's Akhlak Thought: A Review of 'Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak')

Muhammad Hifzurdin Hussin* Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid**

Abstrak

Sultan Alauddin Suleiman Shah ibni Almarhum Raja Muda Musa, adalah merupakan Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Selangor Darul Ehsan yang memerintah bermula pada 1898 hingga mangkatnya baginda pada 1938. Beberapa nukilan dari para pentadbir kolonial Inggeris mencatatkan kewibawaan dan sumbangaan signifikan baginda khususnya dalam pembangunan keilmuan dan pendidikan Islam di negeri Selangor yang juga mencatatkan pencapaian paling tinggi dalam aspek pendidikan pada ketika itu disebabkan keprihatinan baginda dalam membangunkan modal insan khususnya dalam pembangunan akidah dan akhlak. Pembangunan akidah dan tauhid Islam dalam diri seorang Islam sentiasa diiringi bersama dengan pembinaan akhlak dan moral yang mulia. Hal ini kerana akhlak yang baik membantu individu untuk mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Ini termasuklah sifat-sifat seperti kejujuran, amanah, kasih sayang, dan keadilan yang menjadi asas dalam ajaran Islam. Artikel ini akan meninjau isi kandungan karya *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak* daripada sudut kaedah penulisan dan isi kandungannya, di mana kaedah pengumpulan data dan kaedah kepustakaan akan digunakan dalam kajian ini.

Kata Kunci: *Akhlak, Adab, Nasihat Pemeliharaan Guru, Sultan Alauddin Suleiman Shah*

Abstract

Sultan Alauddin Suleiman Shah ibni Almarhum Raja Muda Musa ruled Selangor Darul Ehsan from 1898 till his death in 1938. His authority and significant contributions, particularly in the development of Islamic knowledge and education in Selangor, have been recorded in various writings by English colonial administrators and historians. Selangor attained significant educational achievements under his reign as a result of his commitment to human capital development, notably through the advancement of faith and morality. Individuals who establish Islamic faith and tauhid must always cultivate strong morals and ethics. This is because good character enables people to practice Islamic ideals in their daily lives, such as honesty, trustworthiness, compassion, and justice, all of which are vital to Islamic teachings. This article will examine the work "Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih

* Muhammad Hifzurdin Hussin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: hifzurdinamin@gmail.com

** Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid, Profesor Madya, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: faisal@um.edu.my

Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak " in terms of both writing methods and substance. The project will use data collecting and literature review methodologies.

Keywords: Morality, ethics, Nasihat Pemeliharaan Guru, Sultan Alauddin Suleiman Shah.

Pendahuluan

Mengenai dengan perkembangan karya keagamaan di negeri Selangor sekitar penghujung abad ke-19 sehingga abad ke-20, ramai pengkaji dan sarjana yang telah menjalankan penelitian dan kajian terhadap situasi keilmuan, pendidikan dan pengajaran Islam dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu, khususnya di negeri Selangor. Antara sarjana yang telah membentangkan hasil dapatan penyelidikan mereka berkenaan perkembangan karya keagamaan dan keilmuan Islam di negeri Selangor dan sumbangan Sultan Alauddin Suleiman Shah dalam batasan masa yang disebutkan tadi ialah makalah yang ditulis Siti Kamilah¹ bertujuan untuk menyelidiki perkembangan pendidikan di Selangor era Sultan Alauddin Suleiman Shah bermula era baginda semasa menjawat jawatan Raja Muda Selangor dan sehingga kemangkatan baginda.

Pengkaji telah mengemukakan kajian kepustakaan kepada pembangunan sistem pendidikan di Selangor bukan sahaja dalam pendidikan Islam, tetapi juga turut menyatakan kajian-kajian lepas yang membahaskan tentang kajian pendidikan vernakular dan vokasional. Berdasarkan artikel ini, jelas menunjukkan keterkaitan rapat antara peranan Sultan Alauddin Suleiman Shah sebagai pemerintah Selangor dengan kemajuan pendidikan dan keilmuan Islam, pendidikan vernakular dan vokasional.

Ahmad Zaki² (2018) dalam kertas prosiding yang dihasilkannya dalam Seminar Ulama' Selangor 2008 pula memfokuskan hubungan ulama dan pemerintah dalam bersama mentadbir negeri dan memajukannya. Kertas ini memberi tumpuan kepada Sultan Alauddin Suleiman Shah dan para ulama yang hidup sezaman dengannya. Turut dinyatakan ulama-ulama yang hidup sezaman dan berkhidmat di bawah pentadbiran baginda antaranya Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani, Tengku Muhammad, Haji Mohamad Nor dan Abdul Ghani al-Mandaili al-Khalidi. Dapatan kajian ini turut menyenaraikan karya-karya keagamaan berbentuk kitab yang ditulis sendiri oleh para ulama Selangor, sekali gus dapat menyumbang kepada maklumat tambahan terhadap perkembangan karya keagamaan di Selangor dari 1880 hingga 1940.

¹ Siti Kamilah Mohd Fauzi dan Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, "Pendidikan Di Selangor Era Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1887-1938): Sorotan Literatur," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* no.1, 2 (2018).

² Ahmad Zaki Hj. Arshad, "Hubungan Antara Umara' Dan Ulama Di Bawah Pemerintahan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor," Kertas Persidangan telah dibentangkan dalam Seminar Tokoh Ulama Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor, 2008.

Kajian berkenaan intipati karya keagamaan yang ditulis oleh Sultan Alauddin Suleiman Shah pula telah dilaksanakan oleh Zulkefli³ dalam prosiding Nadwah Ulama Nusantara VI pada tahun 2015. Kitab yang menjadi subjek kajian beliau ialah *Melatih Kanak-Kanak Laki-Laki Perempuan Agama Islam*. Kaedah yang digunakan pengkaji adalah secara kaedah kepustakaan yang mana merujuk dan menganalisis secara terus kepada manuskrip asal selaku tumpuan kajian.

Hasil kajian dibahagikan kepada tiga aspek iaitu aspek susun atur kitab dari sudut pembahagian topik perbincangan rukun iman kepada 18 topik, aspek kaedah pengarangan yang sesuai dengan sasaran dakwah iaitu pembaca dan penuntut ilmu yang terdiri dari kanak-kanak dan individu awam. Aspek ketiga pula membincangkan tentang mesej dakwah dan seruan tauhid dalam kitab tersebut. Pengkaji mendapati wujudnya keprihatinan baginda dalam ilmu Tauhid yang wajib diperkuuhkan dalam diri setiap individu Islam.

Pengenalan kepada Karya *Nasihat Pemeliharaan Guru - Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*

Karya *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak* merupakan satu penulisan langsung Sultan Alauddin Suleiman Shah dalam bidang akhlak. Secara umum, karya ini telah ditulis dan dicetak dalam dua versi iaitu versi tulisan Jawi dan juga tulisan Rumi. Karya ini telah dilengkapkan penulisannya pada 20 Muharram 1349 H bersamaan dengan 17 Jun 1930 M di Istana Mahkota Puri, Klang seperti yang tercatat pada halaman pendahuluan karya ini. Setakat pencarian maklumat oleh pengkaji, tiada maklumat pencetak dinyatakan dalam naskhah karya asal yang dicetak semula oleh Khazanah Fathaniyah (2020). Karya ini terdiri daripada 16 halaman sahaja dan berbentuk ringkasan nasihat yang mudah difahami dan diingati oleh kanak-kanak pada zaman tersebut.

Hasil karya ini juga turut menerima komentar dan puji oleh Syeikh al-Islām merangkap selaku mufti Selangor iaitu Tengku Mahmud Zuhdi al-Fatānī yang berpendapat bahawa isi kandungan yang terdiri daripada nasihat kepada kanak-kanak Melayu Islam di Selangor ke arah pembangunan akhlak dan modal insan mulia adalah usaha yang amat terpuji bagi memastikan *māhāsin al-Akhlaq* dapat dicapai sekali gus membentuk kerohanian yang sempurna. Berikut adalah petikan asal daripada pendahuluan karya buku tersebut:

“...di dalamnya sa halus-halus nasihat dan sa elok-elok pengajaran atas kadar akal kanak-kanak yang baharu ber-lajar yang diharapkan dengan dia sampai mereka itu ka-pada ka-sampurnaan adab dan mahasinul ehklak dan ber-perangai mereka itu dengan seperti barang yang disuroh oleh Allah dan Rasul...”⁴

³ Zulkefli Aini, Ahmad Irdha Mokhtar dan Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, "Mesej Dakwah Dari Istana: Tinjauan Terhadap Kitab Jawi Ilmu Tawhid Karangan Al-Marhum Sultan Alauddin Shah Ibn Al-Marhum Raja Musa (Mangkat 1357H/1938M)." Kertas Persidangan telah dibentangkan dalam Nadwah Ulama Nusantara VI, Seremban, 2015.

⁴ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 16.

Jika dilihat dalam konteks pembangunan modal insan yang sempurna, Islam sangat memberikan penekanan dalam pendidikan akhlak harus bergerak seiring dengan pengukuhan asas-asas akidah dalam Islam. Bahkan salah satu daripada intipati pengutusan para rasul sejak sebelum pengutusan Rasūlullah SAW kepada umat manusia adalah untuk memperbaiki sikap dan akhlak manusia yang seringkali melampaui batas. Umpamanya firman Allah:

﴿وَإِلَيْ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شَعِيبًا قَالَ يَا قَوْمَ ابْنِيُّوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرَهُ وَلَا تَنْفَضُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ إِنِّي أَرَأُكُمْ بَخْيَرٌ وَإِنِّي أَحَافُ عَيْنِكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ مُحِيطٍ ۖ وَيَا قَوْمَ أَوْفُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْنَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ۚ﴾ ۸۵

Maksudnya: "Dan wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil dan janganlah kamu kurangkan manusia akan benda-benda yang menjadi haknya, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi. Dan kepada penduduk "Madyan" Kami utuskan saudara mereka: Nabi Syuaib. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! (Sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam kemewahan; dan sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpa azab hari yang meliputi (orang-orang yang bersalah)." Surah Hud 11:84-85

Al-Sābūnī dalam tafsirnya menyatakan bahawa ayat ini adalah gesaan daripada Nabi Shu'ayb kepada kaumnya dengan menyeru mereka untuk mentaati perintah Allah dan menjauhi larangannya serta menyembah Allah sebagai satu-satunya tuhan yang berhak disembah dan jangan mengambil hak manusia lain dengan mengurangkan timbangan dan takaran mereka dan mereka akan diancam azab hari kiamat.⁵ Begitu juga banyak mesej-mesej dakwah ke arah *islah* akhlak dan perilaku manusia yang dirakamkan Allah dalam al-Quran termasuklah matlamat pengutusan Rasulullah SAW untuk melengkapkan dan memperbaiki kebijatan akhlak dalam masyarakat Arab pada ketika itu. Sabda baginda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

عن أبي هريرة، قال: قال رسول الله ﷺ : "أَكْمَلَ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ حُكْمًا"

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah bahawa Rasūlullah SAW bersabda: "Orang mukmin yang paling sempurna ialah mereka yang paling baik akhlaknya"⁶

Hadith ini menegaskan bahawa kesejahteraan dan kesempurnaan seorang mukmin tidak hanya diukur dari aspek ibadah semata, tetapi juga dari kualiti akhlaknya. Ini menonjolkan pentingnya akhlak yang baik dalam mengekalkan keimanan dan mendekatkan diri kepada Allah. Kualiti akhlak yang baik mencerminkan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kehidupan

⁵ Muhammad Alī al-Šābūnī, "Ṣafwah al-Tafsīr" (Kaherah: Dār al-Sābūnī li at-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzī', 1997), j. 2, 25.

⁶ Hadith riwayat Ābu Dāud, Kitab al-Sunnah, Bab al-Dalīl 'ala Ziyādah al-Īman wa Naqsānuhu, no. hadith 4682. Abū Daūd memberikan taraf sahih dengan isnad yang hasan. Lihat Abū Daūd Sulaiman ibn al-'Ash'ath al-Azdī al-Sijistānī, "Sunan Abi Dāud", j. 7, 40.

sehari-hari. Seorang mukmin yang baik akhlaknya akan memperlihatkan sifat-sifat seperti kejujuran, kesabaran, keadilan, dan kasih sayang dalam hubungan dengan Allah dan makhluk-Nya.

Faktor Penulisan Karya *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*

Keprihatinan Sultan Alauddin Suleiman Shah terhadap pembangunan adab dan perilaku sebagai seorang Muslim. Hal ini terlihat jelas ketika baginda dengan tekun mengekspresikan nilai-nilai adab dalam karya *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Adab Kanak-Kanak* yang berkaitan dengan akhlak yang seharusnya ditanamkan sejak dari usia kanak-kanak.

Berdasarkan petikan pendahuluan buku ini, terdapat faktor-faktor dan matlamat penulisan yang dapat dijelaskan secara lebih terperinci. Faktor-faktor penulisan buku ini dapat dipahami melalui kesedaran terhadap pentingnya membentuk kelakuan yang baik pada kanak-kanak sejak peringkat awal. Penulisan mungkin menjadi respons terhadap keperluan masyarakat untuk panduan dalam mendidik anak-anak dengan nilai-nilai adab dan kelakuan yang baik, terutamanya dalam ruang lingkup sekolah Melayu di Selangor. Kesedaran ini mungkin timbul dari pengalaman guru-guru yang menyedari keperluan untuk memelihara adab perjalanan dan memastikan anak-anak mempraktikkan kelakuan yang elok.

Matlamat penulisan buku ini jelas mendedahkan niat untuk mendidik kanak-kanak dengan nilai-nilai Islam, khususnya dalam hal adab perjalanan dan kelakuan yang baik. Penulis mungkin ingin menyampaikan ajaran Islam secara praktikal dan mudah difahami oleh kanak-kanak. Selain itu, matlamat penulisan juga mungkin melibatkan usaha mencegah perilaku negatif di kalangan kanak-kanak melalui panduan mengenai adab perjalanan dan kelakuan yang elok. Penggunaan perkataan *mokhtasar* (ringkas) dalam bahasa mungkin bertujuan untuk memudahkan penerapan ajaran dan panduan tersebut dalam kehidupan harian kanak-kanak.

Secara keseluruhan, penulisan buku ini turut memiliki matlamat untuk memberikan petunjuk praktikal kepada guru-guru dan ibu bapa dalam melatih kanak-kanak. Penulis ingin membantu membentuk kanak-kanak menjadi individu yang bertanggungjawab dan memiliki adab serta kelakuan yang baik. Selain itu, penulis mungkin juga mempunyai matlamat yang lebih besar, iaitu membantu membangunkan kesejahteraan masyarakat melalui pembentukan generasi muda yang memiliki nilai-nilai positif.

Struktur dan Metodologi Umum Penulisan Karya *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*

Karya akhlak tulisan Sultan Alauddin Suleiman Shah dalam ilmu akhlak ini menggunakan kaedah penulisan dan penyusunan yang unik dari susun atur dan persembahan isi perbahasan. Elemen nasihat dalam mengislahkan akhlak manusia secara berhikmah dapat dilihat dalam

metodologi penulisan baginda yang begitu ringkas namun mempunyai kelunakan dalam menasihati rakyatnya.

Struktur Penulisan

Kitab ini disusun dengan ringkas dan padat dengan mengandungi 22 buah pesanan nasihat daripada penulis di mana karya ini dimulakan dengan kata pengantar oleh penulis sendiri yang menyatakan tujuan dan kepentingan nasihat ini bahawa ianya ditujukan kepada kanak-kanak di sekolah untuk memperbaiki perilaku, adab dan perangai daripada melakukan perkara-perkara yang jelik dan buruk perangainya. Penulis bukan sahaja menyampaikan nasihat mengenai akhlak dan adab, bahkan juga ada nasihat-nasihat untuk menguruskan tubuh badan secara fizikal. Sebelum mengulas secara terperinci tentang metodologi atau kaedah penulisan karya ini, akan dinyatakan terlebih dahulu isi kandungan karya Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak dan membahagikannya kepada dua pecahan:

- i. “Nasehat” Guru kepada Murid-muridnya Memelihara Tubuh (11 Fasal)
 - a) Fasal Pengenalan : Nasihat dan pedoman penulis kepada guru serta murid
 - b) Fasal pertama : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Muka
 - c) Fasal kedua : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Mata
 - d) Fasal ketiga : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Mulut
 - e) Fasal keempat : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Gigi
 - f) Fasal kelima : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Tangan
 - g) Fasal keenam : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Kuku
 - h) Fasal ketujuh : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Rambut
 - i) Fasal kelapan : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Mandi
 - j) Fasal kesembilan : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Kaki
 - k) Fasal kesepuluh : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Tidor
 - l) Fasal kesebelas : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Tuboh – Minum
- ii. “Nasehat” Guru pada Muridnya Memelihara Kelakuan
 - a) Fasal kedua belas : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Kelakuan – Kepala
 - b) Fasal ketiga belas : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Kelakuan – Bergondol
 - c) Fasal keempat belas : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Kelakuan – Dudok
 - d) Fasal kelima belas : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Kelakuan – Berjalan
 - e) Fasal keenam belas : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Kelakuan – Pandangan Berjalan
 - f) Fasal ketujuh belas : Fasal kelima belas : Nasehat Guru pada Mured Nya Memelihara Kelakuan – Orang Ber-kelahi

- g) Fasal kelapan belas : Nasehat Guru pada Mured Nyā Memelihara Kelakuan – Ramai di Jalan
- h) Fasal kesembilan belas : Nasehat Guru pada Mured Nyā Memelihara Kelakuan – Makan di Jalan
- i) Fasal kedua puluh : Nasehat Guru pada Mured Nyā Memelihara Kelakuan – Kenching di Jalan
- j) Fasal kedua puluh satu : Nasehat Guru pada Mured Nyā Memelihara Kelakuan – Pada Kebon Orang
- k) Fasal kedua puluh dua : Nasehat Guru pada Mured Nyā Memelihara Kelakuan – Menyeksa Binatang
- l) Fasal kedua puluh tiga : Nasehat Guru pada Mured Nyā Memelihara Kelakuan – Mengisap Rokok

Metodologi Umum Penulisan

Karya *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak* hasil tulisan Sultan Alauddin Suleiman Shah juga menggunakan teknik dan metodologi penulisan yang serupa dengan kitab *Pohon Agama* iaitu penulisan yang ringkas berbentuk *mukhtasar*. Berdasarkan pembacaan pengkaji pada karya ini, penulis menggunakan kaedah penulisan berbentuk nasihat dan amanat yang disampaikan oleh seorang guru kepada anak muridnya. Setiap nasihat pula dijadikan fasal-fasal yang khusus, dan setiap nasihat itu pula mengandungi satu sehingga empat ayat sahaja.

Menyentuh soal metodologi penulisan berbentuk nasihat yang diaplikasikan penulis dalam karya yang menjadi fokus perbahasan, umumnya penulisan karya berbentuk nasihat dalam karya Melayu sering kali memaparkan nilai-nilai etika dan moral yang dipaparkan dalam berbagai genre sastera seperti pantun, syair, hikayat, dan sajak. Pantun, sebagai contoh, merupakan bentuk puisi yang ringkas dan mengandungi nasihat dengan padat, sementara syair, yang lebih panjang dan kompleks, menyampaikan pelajaran hidup dan moral melalui kisah-kisah epik.

Hikayat Melayu, dengan lenggok prosa yang panjang, sering kali membawakan nasihat melalui perjalanan tokoh-tokohnya, seperti dalam *Hikayat Hang Tuah* yang menyoroti kepatuhan, kesetiaan, dan kepahlawanan. Dalam konteks puisi seperti gurindam dan sajak juga menjadi wadah penyampaian nasihat melalui kaedah yang bukan konvensional dengan menyelitkan nasihat dan pedoman hidup dalam bahasa yang lebih mutakhir. Kesemua ini mencerminkan penulisan karya Melayu yang kaya akan warisan kebijaksanaan dan etika, menyampaikan nilai-nilai tersebut kepada pembaca melalui berbagai bentuk sastera yang mendalam dan bermakna.

Bentuk persembahan isi kandungan adalah berupa dialog satu hala di mana penulis mengambil peranan dan watak sebagai seorang guru menyampaikan sebanyak 23 fasal nasihat yang merangkumi pemeliharaan anggota tubuh badan serta pemeliharaan kelakuan dan akhlak. Setiap nasihat yang disampaikan oleh penulis akan didahului dengan frasa ‘*hai murid*’ yang

mencerminkan seorang guru yang cuba berkomunikasi dengan lunak dan lembut dalam memberi nasihat dan pedoman.

Umpamanya, dalam fasal kelapan ‘Nasihat Pemeliharaan Guru pada Murid-muridnya Memelihara Tuboh – Mandi’ yang berkaitan tentang nasihat penulis mengenai tatacara mandi dan membersihkan diri dengan betul:

8

“MANDI”

<i>Hai murid</i>	<i>“Segia-nya mandi pada tiap-tiap hari miski pun satu kali dimulakan dari pada kepala selalu mandi dengan ber-sabon dan ber-gosok hingga hilang daki-daki sebab berpeloh tuboh dan jangan mandi ayer yang keroh-keroh dan merah kerana di-takuti dari pada-nya penyakit gatal-gatal apabila tuboh berasa seram baik-lah jangan mandi ayer sejok hendak-lah berselimot dan ber-gerak-gerak.”⁷</i>
------------------	--

Manakala nasihat penulis berkenaan dengan pemeliharaan kelakuan pula seperti yang dinyatakan dalam fasal ke-17 berkaitan nasihat dalam menghadapi orang yang bertelagah:

17

“ORANG BER-KELAHI”

<i>Hai murid</i>	<i>“Apa-bila kamu melihat orang ber-kelahi maka jangan kamu hampiri kerana di-takuti tohmah dan shak di atas kamu ber-champor di-dalam hal demikian.”⁸</i>
------------------	---

Sebelum penulis memulakan nasihat-nasihatnya, beliau menyatakan tugas atau hak-hak yang patut dipenuhi oleh guru ke atas anak muridnya, antaranya guru perlu melatih dan mendidik anak murid dengan penuh rasa tanggungjawab di mana guru perlu melaksanakan segala tugas yang diwajibkan ke atas mereka dalam melatih dan mengajar kanak-kanak di dalam bidang pelajaran. Penulis menjelaskan dalam karyanya:

“Bahawa ada-lah kamu di-jadi-kan guru maka amal-kan-lah segala yang wajib atas guru-guru itu melaideh kanak-kanak di-dalam pelajaran.”⁹

Penulis juga turut menjelaskan bahawa guru sebagai seorang pembimbing yang sentiasa memberi panduan dan arahan dalam memperbaiki tingkah laku murid-muridnya seperti yang dinyatakan penulis:

⁷ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 7-8.

⁸ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 12.

⁹ *Ibid*, 1.

“Guru guru itu ia-lah yang di-tanya dari pada hal mengajar dan melateh murid murid yang di-serah-kan kepada pekerja-an mengajar meraka itu dan jua memperbaik-kan perangai laku mereka itu dan bebas lah gara-gara itu pada mengajar mereka-itu dengan sharat memelihara-kan barang yang ber-setuju bagi hal murid- murid itu.”¹⁰

Dalam pada itu, penulis turut memberitahu bahawa pendekatan utama yang mesti diaplikasikan mereka iaitu pendekatan berlemah-lembut dan memberikan pengajaran yang berkualiti menggunakan segala bahan dan tindakan pengajaran yang terbaik dan jelas. Hal ini dijelaskan penulis dalam petikan berikut:

“Guru-guru itu bahawa membiasa-kan murid-murid dengan lentah lembut pade kelakuan dan dengan segla adat kebiasa-an yang baik-baik yang mewajib-kan bagi ber-atur pada segala gerak dan diam mereka itu dan hendak lah guru.”¹¹

Bukan sekadar itu sahaja, penulis juga turut menggariskan tanggungjawab dan hak yang perlu dipenuhi oleh seorang murid ke atas gurunya. Antara tanggungjawab sebagai seorang murid atau penuntut ilmu hendaklah memuliakan dan menghormati guru dengan sebaik-baik perilaku dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap isi pelajaran yang disampaikan, serta sentiasa bermanis muka dan berlemah lembut apabila berkomunikasi dengan mereka demi menjaga kemuliaan seorang guru.

Penulis turut mengingatkan murid untuk terus pulang ke rumah selepas tamat sesi pembelajaran atau merayau-rayau ke tempat lain. Ini merupakan nasihat untuk menjaga disiplin, keselamatan, dan mengelakkan murid dari terlibat dengan kegiatan yang membuang masa atau berbahaya di luar, seperti yang dinyatakan penulis:

“Kemudian selesai daripada pelajaran kamu dan keluar dari pada sekolah hendak-lah segera kamu balek kerumah jangan bermain² di-jalan menyempang kalain tempat”¹²

Dalam membincangkan soal pendekatan guru dalam memperkenalkan pendidikan adab dan perilaku, Al-Ghazālī menjelaskan bahawa etika dan pendekatan guru memainkan peranan utama dalam menasihati dan mendidik kanak-kanak melalui pembinaan hubungan rapat dan baik antara murid dan guru di mana beliau menetapkan 10 tugas utama pendidik di mana salah satunya ialah mengutamakan penyucian diri daripada akhlak tercela dan sifat buruk adalah penting bagi memudahkan kanak-kanak atau murid menuntut ilmu, kerana menuntut ilmu adalah ibadah yang menuntut kepada kemurnian jiwa dan rohani¹³. Beliau mengibaratkan jiwa

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid., 4.

¹³ Siti Raudah Abdul Karim, Huzaizman Ismail dan Norhapizah Mohd Burhan, “Al-Ghazali’s Education Theory Towards Islamic Lifelong Learning.” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 8, no. 1 (2021), 74.

itu seperti badan, tidak dicipta sempurna tetapi dipelihara melalui pendidikan dan pembentukan. Adat dan moral berubah seiring dengan perkembangan manusia.

Tinjauan Terhadap Intipati Karya *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*

Bab ini akan mencuba untuk menganalisis dan menghuraikan secara dasar bagi setiap nasihat yang diberikan oleh penulis dalam karya *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*.

Memandangkan nasihat dan pedoman yang disampaikan oleh penulis terbahagi kepada dua bahagian iaitu memelihara tubuh badan dan memelihara kelakuan, maka pengkaji akan cenderung untuk menjelaskan bahagian kedua yang lebih relevan dan dekat dengan fokus penyempurnaan akhlak di samping pengukuhan aqidah yang telah dibincangkan dalam perbincangan bab ketiga. Fasal yang akan disentuh pengkaji adalah daripada fasal ke-13 sehingga fasal ke-23. Dalam pada meninjau dan menjelaskan nasihat-nasihat penulis dalam karya ini akan disertakan penerangan di samping memetik ayat al-Quran, hadīth, nukilan para ulama pendapat yang menjelaskan mengenai adat-istiadat dan tradisi yang wujud di sebalik nasihat tersebut.

Fasal Kedua Belas

Dalam fasal ini penulis menyatakan nasihatnya berkenaan dengan adab kanak-kanak sewaktu menuntut ilmu untuk memberikan perhatian kepada guru yang sedang mengajar dengan memperbetulkan posisi kepala mereka. Menurut penulis dalam karyanya:

12

“KEPALA”

Hai murid “*Membiasa-kan memelihara-kan kepala itu senantiasa sederhana tegak-nya dan jangan ter-tundok dan ter-teleng dan menggerak-gerak kan kepala waktu membacha atau menulis.*”¹⁴

Penulis menasihati murid-murid agar menjaga adab dan kelakuan dalam menuntut ilmu di hadapan para guru dengan tidak terlalu menunduk dan tidak mendongak ketika dalam sesi pembelajaran. Hal ini kerana sesetengah guru mementingkan adab dalam menuntut ilmu, oleh itu murid perlulah menuruti setiap *ahwāl* atau keadaan yang dikehendaki dalam proses pembelajaran tersebut seperti tidak banyak bergerak di hadapan guru, menumpukan perhatian

¹⁴ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 9-10.

terhadap kitab yang diajar serta tidak mendongakkan kepala semasa sedang menuntut ilmu daripada guru.

Dalam hal ini, Ibn Jamā'ah, seorang ulama yang masyhur dalam bidang pendidikan menegaskan betapa pentingnya menjaga adab dan kelakuan dalam menuntut ilmu dengan guru di mana seorang murid itu duduk dengan bersila dan sopan serta perlulah menjaga pandangan mata dan kepala dengan tidak menoleh ke arah lain tanpa sebarang keperluan selain dari memandang kitab dan gurunya. Bukan sekadar itu, bahkan juga murid tidak boleh meletakkan tangan pada janggut, mulut maupun hidungnya.¹⁵

Fasal Ketiga Belas

Fasal ketiga belas pula membicarakan tentang nasihat adab pemakaian yang kemas oleh kanak-kanak khususnya berkenaan dengan pemakaian songkok atau penutup kepala. Dalam fasal ini penulis menyatakan seperti berikut:

13

“BER-GONDOL”

Hai murid “*Seyogianya jangan bergondol kepala di hadapan orang yang hadzir dan jika masok saorang ka pada kamu pada hal kamu tengah bergondol hendak-lah dengan seketika itu memakai songkok kamu kerana memelihara-kan kehormatannya.*”¹⁶

Maksudnya di sini ialah penulis memberikan penekanan tentang perlakuan hormat-menghormati dalam berinteraksi dan berhubung dengan orang lain dengan memakai songkok sebagai tanda penghormatan. Perbuatan ini melambangkan sikap sopan santun orang Melayu yang menghargai kehadiran orang lain dengan cara yang selayaknya di terima mereka iaitu dengan berpakaian kemas dengan berpenutup kepala. Menurut Siti Mukmina Jaafar (2005), tujuan asal pakaian penutup kepala dalam masyarakat Melayu adalah untuk melengkapkan cara berpakaian, menutup aurat, melindungi kepala dari panas matahari dan merapikan rambut orang lelaki.¹⁷

Perlu diketahui amalan memakai penutup kepala dalam tradisi masyarakat Melayu telah berakar umbi sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi seperti pemakaian tengkolok, destar, semutar dan sebagainya.¹⁸ Pemakaian songkok pula berkemungkinan berasal dari

¹⁵ Muhammād bin Ibrāhīm bin Sa'dillah ibn Jamā'ah, *Tazkirah al-Sami' wa al-Mutakallim fi Adab al-'Alim wa al-Muta'allim*, ed. Muhammad bin Mahdi al-'Ajmī, (Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 2012), 103.

¹⁶ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 10.

¹⁷ Siti Mukmina Jaafar, “Songkok dan Capal: Satu Perusahaan Tradisi Keturunan Melayu Minangkabau” (Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2005), 3.

¹⁸ Siti Zainon Ismail, “Konsep Adat Pakaian Cara Melayu Sentuhan Tenunan dalam Busana Melayu.” Kertas Persidangan telah dibentangkan di Seminar Tekstil Antarabangsa Tenunan Nusantara: Identiti dan Kesinambungan Budaya, Kuantan, 2009.

pemakaian *fez* yang berasal dari India¹⁹, Maghribi atau Tunisia yang kemudiannya menjadi masyhur dalam dunia Melayu hasil pengaruh Turki Uthmaniyyah pada abad ke-17²⁰ yang mempopularkan pemakaian *fez* yang mirip kepada reka bentuk songkok masyarakat Melayu.

Muhammad Ariff Ahmad dalam kajiannya mengatakan orang Melayu amat menitik beratkan cara berpakaian mengikut keadaan, termasuklah juga amalan bersongkok. Anak-anak Melayu tidak dibenarkan untuk makan dengan tidak memakai baju, berseluar atau berkain dan tidak bersongkok dan perlu duduk dengan tertib iaitu bersila sebelum membacakan doa makan.²¹ Pantang larang yang digunakan ialah ‘*siapa yang makan tidak bersongkok, akan kematian isteri*’. Adat pemakaian songkok ketika makan ini ada falsafah di sebaliknya di mana sebenarnya pemakaian songkok dapat mengelakkan rambut, kelelumur dan kutu daripada gugur dan masuk ke dalam makanan yang dijamah disebabkan rambut orang dahulu yang tidak terurus.²²

Tambahan lagi, menjadi suatu bentuk tatasusila yang mulia untuk orang lelaki bergombang atau berbaju Melayu, berkain pelikat dan bersongkok apabila bersua dan berinteraksi dengan orang-orang yang lebih berusia atau orang-orang kenamaan.²³ Orang Melayu juga dianggap tidak bersopan sekiranya pergi ke masjid atau kenduri tanpa memakai songkok.²⁴ Falsafah pemakaian songkok ini bertitik tolak daripada tradisi Melayu yang dahulunya memakai tanjak, destar, semutar dan sebagainya yang kian mendapat tempat dalam masyarakat moden di Malaysia dan lain-lain negara di alam Melayu dan menjadi suatu seni pakaian yang unik dengan berbagai reka bentuk songkok dihasilkan.

Fasal Keempat Belas

Penulis dalam fasal keempat belas membahaskan nasihat tatacara dan adab duduk atau memilih tempat untuk kanak-kanak menghabiskan masa atau meluangkan waktu, seperti mana yang dinukilkikan penulis:

14

“DUDOK”

Hai murid, “Ingat, ingat jangan kamu dudok pada jalan-jalan melarang dari pada kejahanan dudok pada tempat yang layak dengan kamu kerana menghormat-kan bagi-kamu”²⁵

¹⁹ Siti Mukmina Jaafar, “Songkok dan Capal: Satu Perusahaan Tradisi Keturunan Melayu Minangkabau”, 3.

²⁰ Youssef Ben Ismail, “A History of the Ottoman Fez before Mahmud II (ca. 1600–1800).” *Muqarnas Online* 38, no.1 (2021), 155.

²¹ Muhammad Ariff Ahmad, *Bicara tentang Adat dan Tradisi*. (Singapura: Pustaka Nasional, 1993), 84.

²² *Ibid.*, 87.

²³ *Ibid.*, 85.

²⁴ Siti Mukmina Jaafar, “Songkok dan Capal: Satu Perusahaan Tradisi Keturunan Melayu Minangkabau”, 4.

²⁵ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 10.

Nasihat ini mengandungi makna untuk tidak duduk atau berada di tempat-tempat yang dilarang atau tidak selamat, terutama sekali di tempat-tempat yang dapat boleh dijadikan sarang kejahatan Sebaliknya, kanak-kanak dinasihatkan untuk duduk atau berada di tempat yang sesuai dan baik, dengan menjaga kehormatan diri dan keselamatan. Maksudnya, hindarilah tempat-tempat yang dapat membahayakan atau merugikan diri sendiri dan nasihat ini mencerminkan kebijaksanaan untuk menjaga diri risiko atau masalah yang mungkin timbul di tempat-tempat yang tidak sepatutnya bagi kanak-kanak yang sedang membesar.

Peri pentingnya untuk ibu bapa dan guru untuk mewujudkan persekitaran yang selesa dan selamat bagi kanak-kanak untuk melakukan aktiviti yang baik dan sihat adalah sebahagian daripada kepentingan pendidikan awal kanak-kanak kerana ianya akan mempengaruhi hubungan dan keadaan sosial kanak-kanak.

Menurut Abdullah Nāsih Ulwan (1992), kanak-kanak sangat aktif dan suka bermain atau sebarang aktiviti yang mencabar. Oleh itu ibu bapa dan guru harus mengambil peluang ini dengan mewujudkan ruang persekitaran sosial yang sihat seperti menggalakkan mereka menyertai kelab sukan dan beriadah bersama mereka agar mereka terhindar daripada sebarang pergaulan tidak sihat bersama rakan sebaya yang akan menjurus kepada masalah sosial.²⁶

Salah satu daripada faktor rosaknya akhlak kanak-kanak adalah keterlibatan mereka dengan pergaulan yang negatif dengan rakan sebaya. Fitrah kanak-kanak yang masih belum sempurna pemikirannya dan akidah yang lemah menyebabkan mereka mudah untuk dipengaruhi oleh akhlak *mazmūmah* akibat salah memilih rakan. Oleh yang demikian, ibu bapa dan guru dituntut untuk memantau kanak-kanak dalam pergaulan mereka dengan rakan sebaya supaya mereka tidak terjerumus dalam kemurkaan Allah²⁷ seperti mana firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوْلُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُوْنَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُوْنَ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”

Al-Tahrim 66:6

²⁶ Abdullah Nāsih ‘Ulwan, *Tarbiyyah al-Aulād fi al-Islām*. (Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā’ah wa al-Nashr wa al-Tauzi’, 1992), j. 1, 129-130.

²⁷ *Ibid.*, 135.

Fasal Kelima Belas

Fasal kelima belas pula mengandungi nasihat penulis mengenai adab dan cara berjalan kaki yang betul serta menyentuh berkenaan tempat yang sesuai untuk kanak-kanak berjalan seperti berikut:

15

“BER-JALAN”

Hai murid “*Jangan ber-jalan pada tengah jalan raya hendak-lah kamu berjalan sebelah kanan masok supaya jadi-lah kamu jauh dari-pada berlanggaran dengan kereta-kereta atau sebagainya*”²⁸

Apa yang dimaksudkan penulis dalam nasihatnya ialah beliau menyarankan agar tidak berjalan di tengah jalan raya melainkan di sebelah kanan jalan. Dengan berjalan bertentangan dengan arah datangnya kenderaan, seseorang itu mudah untuk melihat dan menyedari kenderaan yang datang dari arah hadapannya sekali gus dapat memastikan diri dalam keadaan yang selamat ketika berjalan kaki. Nasihat ini mencerminkan kebijaksanaan dalam aktiviti lalu lintas dan mendidik sifat prihatin, waspada dan tanggungjawab terhadap keselamatan diri sendiri serta orang lain di jalan raya.

Fasal Keenam Belas

Dalam fasal ini pula, penulis menyentuh dan menasihati pembaca soal menjaga pandangan mata ketika berjalan yang mana penulis berkata:

16

“PANDANGAN BER-JALAN”

Hai murid, “*Jika kamu ber-jalan pada satu jalan maka hadap-kan pandangan kamu kehadapan jangan-lah memandang kapada tingkap-tingkap orang atau ka-pada orang yang di dalam kereta dan jangan ber-henti di tengah jalan hal yang demikian kelakuan tiada baik*”²⁹

Nasihat dalam fasal ini bermaksud kanak-kanak yang berjalan di jalan-jalan atau melalui kawasan awam dan rumah-rumah hendaklah menjaga pandangan mata daripada melihat perkara-perkara yang tidak sepatutnya, apatah lagi melihat atau mengintai rumah-rumah orang

²⁸ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 11.

²⁹ *Ibid.*

kerana ia merupakan perbuatan yang tidak sopan. Begitu juga tidak melihat ke arah tempat lain semasa berjalan sebaliknya menumpukan pandangan ke arah jalan yang sedang dilalui kerana ditakuti akan terlanggar atau melanggar sesuatu sekali gus menyebabkan kecederaan kepada kanak-kanak tersebut.

Abd al-Āziz Sayyid Nadā' (2007) menggariskan beberapa adab ketika berjalan berdasarkan al-Quran dan Hadith Rasulullāh SAW antaranya ialah bersikap tawaduk ketika berjalan dan menjaga pandangan mata apabila berjalan.³⁰ Hal ini berdasarkan dengan firman Allah berkenaan sifat tawaduk dan merendah diri ketika berjalan:

﴿وَلَا تُصَرِّفْ حَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ﴾ ١٨

Maksudnya: “Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sompong takbur, lagi membanggakan diri.” (Luqman 31:18)

Manakala ayat al-Quran yang menyentuh soal menjaga pandangan pula, firman Allah:

﴿فُلِّ الْمُؤْمِنِينَ يَعْصُمُونَ مِنْ أَبْصَارِهِمْ...﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) ...” (Al-Nur 24:30)

Penulis juga menyatakan agar orang yang berjalan menetapkan pandangannya ke hadapan agar tidak tergelincir atau terlanggar orang di hadapannya. Hal ini kerana sememangnya salah satu daripada adab ketika berjalan kaki adalah jangan memandang ke belakang kerana terdapat hādīth yang diriwayatkan oleh Jābir bin Abdillah:

عن جابر بن عبد الله، أن رسول الله ﷺ كان لا يلتفت إذا مشى

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdillah sesungguhnya Rasūlullah SAW tidak menoleh kebelakang ketika berjalan.³¹

³⁰ Abd al-‘Azīz Sayyid Nadā', *Mausū'ah al-Adab al-Islāmiyyah al-Murattabah ‘alā al-Hurūf al-Hijāyyah*. (Riyadh: Dār Taybah li al-Nashr wa al-Tauzi', 2007), 780.

³¹ Hadīth riwayat al-Tabrānī, Bab al-Ba', Man Ismuhi Bakr, no. hadīth 3216. Al-Albānī memberi hukum saih pada hadīth ini. Lihat Sulaymān ibn Ahmad al-Tabrānī, “*Al-Mu’jam al-Awsat*,” ed. Ṭāriq bin ‘Audallah dan Abd al-Muhsin bin Ibrāhīm (Kaherah: Dār al-Haramayn, 1995). j. 3, 299.

Fasal Ketujuh Belas

Dalam fasal ketujuh belas, penulis kemudiannya menasihati kanak-kanak dan juga pembaca berkenaan cara untuk menghadapi situasi tegang dan pergaduhan antara dua pihak yang bertelagah. Kata penulis dalam nasihatnya:

17

“ORANG BER-KELAHI”

Hai murid, “Apa-bila kamu melihat orang ber-kelahi maka jangan kamu hampiri kerana di-takuti tohmah dan shak di atas kamu ber-champor di-dalam hal demikian”³²

Nasihat ini memberitahu bahawa jika seseorang itu melihat orang sedang bertelingkah, adalah lebih baik untuk menjauhinya. Hal ini disebabkan oleh dua keimbangan sekiranya seseorang itu campur tangan dalam pertelingkahan, pertamanya akan dituduh masuk campur dan menyebabkan pertelingkahan semakin membarah. Kebimbangan kedua adalah kerana keraguan atau syak dalam menetapkan siapa yang benar dan siapa yang salah yang akhirnya akan menimbulkan fitnah. Dengan menjauhkan dari pertengkaran tersebut, seseorang itu dapat menghindari tuduhan atau fitnah yang mungkin muncul jika wujudnya campur tangan, dan juga dapat menghindari keraguan atau tohmahan daripada pihak yang terlibat dalam pertengkaran.

Saranan ini mencerminkan kebijaksanaan untuk tidak terlibat dalam konflik orang lain, yang langsung tidak memberi faedah pada diri sendiri. Maka lebih baik menghindarkan diri dan memilih untuk tidak terlibat dalam pertengkaran tersebut serta mengambil jalan tengah untuk mendamaikan kedua-dua belah pihak seperti mana firman Allah dalam surah al-Hujurāt:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَجُوا فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخْوَيْهِمْ وَاتَّعْفُوا اللَّهُ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾ ٤٩

Maksudnya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.” (Al-Hujurāt 49:10)

³² Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 12.

Fasal Kelapan Belas

Dalam fasal kelapan belas, penulis memberi nasihat kepada pembaca berkaitan tatacara atau adab berjalan dalam situasi jalan yang sibuk dengan manusia seperti mana nasihat penulis dalam karyanya:

18

“RAMAI DI-JALAN”

Hai murid “Jauhi dari-pada ber-langgaran dengan orang-orang ramai atau ber-sentuh di-tengah jalan. Dan jangan berebot-rebot berjalan ketika penoh jalan itu dengan orang hendaklah ber-henti hingga boleh kamu berjalan dengan senang dan mudah-nya”³³

Nasihat ini menggariskan etika dalam berlalu lintas atau berada di tempat yang dipenuhi orang ramai. Penulis menyarankan nasihat ini untuk menjauhi kemungkinan berlanggaran dengan orang-orang ramai atau bersentuhan di tengah jalan. Hal ini tidak hanya untuk mengelakkan daripada kecederaan atau kemalangan, tetapi juga untuk menjaga keselesaan dan mengawal batas-batas percampuran antara lelaki dengan perempuan dalam khalayak ramai. Menurut hādīth yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah dengan taraf yang hasan³⁴:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لَيْسَ لِلنِّسَاءِ وَسْطُ الظَّرِيقَةِ

Maksudnya: Daripada Abū Hurairah berkata bahawa Rasūlullah SAW telah bersabda: “Tidaklah bagi perempuan (berjalan) di tengah jalan...”³⁵

Antara adab berada di jalanan juga adalah wanita dianjurkan untuk tidak berjalan di tengah jalan bagi mengelakkan mereka bertembung dengan lelaki³⁶ dan bagi mengelakkan bahaya digangu secara fizikal mahupun seksual. Namun begitu, ini bukan sama sekali bertujuan untuk mendiskriminasikan perempuan, bahkan bagi memelihara dan melindungi maruah dan kehormatan mereka di mana sedia dimaklumi bahawa kesedaran terhadap hak wanita semakin meningkat di zaman moden, seperti wujudnya tempat letak kereta khas untuk wanita, ruangan khas untuk wanita dalam pengangkutan awam seperti bas, tren LRT dan seumpamanya memberikan indikasi bahawa apa yang disarankan oleh baginda SAW adalah mempunyai hikmah, sangat tepat dan bersesuaian dengan keperluan wanita.

³³ Ibid.

³⁴ Lihat Muhammad Nāṣir al-Dīn bin al-Hāj Nuh al-Albānī, “Al-Ta’liqāt al-Hasān ‘ala Sahīh Ibni Hibban” (Jeddah: Dār Ba Wazīr li al-Nashr wa al-Tauzī’, 2003), j.8, 158.

³⁵ Hādīth riwayat Ibn Hibbān, al-Qism al-Thānī al-Nawāhī, Nau’ al-Thānī wa al-Sab’un, no. hadith 2584. Lihat Abū Hatim Muhammad ibn Hibbān, “Sahīh Ibni Hibban: al-Musnad al-Sahīh ‘ala al-Taqāsīm wa al-Anwa” ed. Muhammad ‘Alī Sonmez dan Khālis Aydemir (Beirut: Dār Ibni Hazm, 2012), j.3, 373.

³⁶ Abd al-‘Azīz Sayyid Nadā’, Mausū’ah al-Adab al-Islāmiyyah al-Murattabah ‘alā al-Hurūf al-Hijāiyah, 569.

Selanjutnya, nasihat ini menyarankan pembaca untuk tidak berebut-rebut berjalan ketika jalan dipenuhi dengan orang. Sebaliknya, disarankan untuk berhenti sementara hingga situasi memungkinkan untuk melanjutkan perjalanan dengan selesa dan mudah. Ini mencerminkan kesedaran terhadap keperluan untuk menghormati dan beradaptasi dengan orang lain di sekitar, serta untuk memastikan keselamatan dan keselesaan bersama.

Fasal Kesembilan Belas

Dalam fasal seterusnya, penulis berkongsi pedoman kepada pembacanya mengenai tegahan makan apabila sedang berjalan. Pedoman penulis adalah seperti berikut:

19

“MAKAN DI-JALAN”

Hai murid “*Tiada harus sekali-kali makan di-tengah jalan kerana yang demikian itu dari-pada tanda pelahap dan jahat pengajaran tiada layak demikian itu melain-kan orang yang hina dan rendah*³⁷”

Nasihat ini sebenarnya merujuk kepada cara-cara makan dan minum sesuai dengan ajaran Islam iaitu makan dan minum dalam keadaan duduk dengan tertib dan tidak berdiri bahkan berjalan kerana makan dan minum secara duduk adalah anjuran Rasūlullah SAW sendiri melalui banyak hadīth baginda antaranya hadīth yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

عن أنس بن مالك عن النبي ﷺ أنه نهى أن يشرب الرجل قائماً. قال قتادة: فقلنا: فالكل؟ فقال: ذاك أشر أو أخبث.

Maksudnya: Daripada Anas bin Malik daripada Rasūlullah SAW bahawa baginda menegah seseorang daripada minum secara berdiri. Qatādah bertanya bagaimana pula makan secara berdiri? Anas menjawab: “Yang demikian itu lebih buruk atau tercela.”³⁸

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2018) dalam laman sesawang rasminya menjelaskan bahawa larangan makan dan minum dalam keadaan berdiri ini hanyalah sekadar makruh tanzih berdasarkan pendapat Imam al-Nawawi yang mengatakan sedemikian dan berdasarkan

³⁷ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 13.

³⁸ Hadīth riwayat Muslim, Kitab al-Asyribah, Bab Karāhiah al-Syarb Qaiman, no hadith 2024. Lihat Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj, “*Sahih Muslim*,” ed. Muhammad Fuad Abd al-Bāqī (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1955) j.3, 1600.

beberapa hadīth lain yang membolehkan makan dan minum secara berdiri. Akan tetapi, amalan makan dan minum secara berdiri dan berjalan lebih baik dijauhi untuk memelihara adab Islam yang mulia.³⁹

Makan dan minum secara berdiri dan berjalan turut memberi impak negatif kepada kesihatan manusia. Amalan ini yang turut dipanggil sebagai *standing party* akan menimbulkan masalah penghadaman makanan dalam perut yang menjurus kepada penyakit GERD, penyerapan khasiat makanan yang tidak sempurna, hipotensi atau tekanan darah rendah dan penyakit batu karang.⁴⁰

Fasal Kedua Puluh

Dalam fasal ini, penulis mengajukan nasihat kepada pembacanya mengenai tatacara membuang air kecil yang sepatutnya dilakukan secara beradab. Nasihat penulis dalam karyanya:

20

“KENCHING DI-JALAN”

Hai murid “*Maka tiada layak buang ayer (kenching) di-tengah jalan. Kerana yang demikian sangat kekejian di-kata orang tiada bermalu*”⁴¹

Nasihat ini menekankan pentingnya menjaga kebersihan dan kehormatan di lingkungan masyarakat. Air kencing atau bahan buangan seharusnya tidak dibuang di tengah jalan, karena selain melanggar kesopanan, tindakan tersebut juga dianggap keji dan tidak bermaruah. Nasihat ini mencerminkan nilai-nilai kebersihan, rasa tanggung jawab, dan hormat-menghormati terhadap lingkungan dan orang lain. Tindakan sedemikian bukan sekadar tidak beradab, bahkan menjelaskan kebersihan dan keselesaan dalam kalangan masyarakat dan menyebabkan merebaknya penyakit dan wabak disebabkan bakteria daripada bahan buangan yang mencemarkan kawasan persekitaran.

Berhubung soal tempat yang sesuai untuk membuang air, terdapat beberapa garis panduan dalam memilih tempat yang sepatutnya dijadikan tempat membuang air bagi mengelakkan gangguan terhadap kebersihan dan keselesaan masyarakat. Menurut Abd al-Āziz Sayyid Nadā’ (2007), tempat yang ingin dijadikan tempat melepaskan hajat mestilah bukan tempat di mana manusia berteduh atau di tepian jalan yang dilalui manusia. Manakala sekiranya tempat tersebut mempunyai perteduhan ataupun jalan tetapi langsung tidak dilalui

³⁹ Luqman Tarmizi, “Al-Kafi #914: Hukum Makan dan Minum Sambil Berdiri,” laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai 5 Januari 2024, <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2797-al-kafi-914-hukum-makan-dan-minum-sambil-berdiri>.

⁴⁰ Aida S., Virgillia Ryan, Hermin F. et. al., “Standing Party dalam Perspektif Islam, Kesehatan dan Budaya Indonesia,” *Jurnal Kesehatan Pena Medika* 9, no.1 (2019), 7.

⁴¹ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 13.

atau disinggahi manusia maka dibolehkan untuk melepaskan hajat di situ. Selain itu, tempat yang menjadi sumber air minuman manusia dan ternakan seperti kolam takungan air, telaga dan sebagainya tidak boleh dijadikan tempat membuang hajat.⁴²

Begin juga dilarang untuk melepaskan hajat di tempat permandiannya iaitu bilik mandi dan tidak boleh melepaskan hajat di dalam bilik mandi yang tiada saliran air serta dilarang untuk melakukan demikian di sekitar kawasan masjid seperti di pintu dan dinding masjid kerana ia merupakan penghinaan terhadap kesucian rumah Allah dan mengganggu keselesaan jemaah masjid.⁴³

Fasal Kedua Puluh Satu

Dalam fasal ini penulis menyatakan nasihatnya berkenaan dengan adab kanak-kanak sewaktu berada di kawasan kebun atau tanah milik orang lain . Menurut penulis dalam karyanya:

21

“PADA KEBON ORANG”

Hai murid “Apabila kamu bersiar-siar pada kebon orang yang lain, ingat-ingat jangan lah memetek suatu bunga dan buah nya jika tiada di benar kan oleh tuan-nya nuschaya di bilang pekerja-an itu menchuri yang diseksa akan atas-nya.”⁴⁴

Nasihat ini menekankan tatacara dan adab ketika bersiar-siar di kebun milik orang lain. Penulis memperingatkan apabila seseorang itu berjalan melintasi kebun atau masuk ke kawasan kebun orang lain agar tidak memetik bunga atau buah dari kebun tersebut tanpa izin tuan tanah. Jika tidak mendapat izin, tindakan ini dianggap sebagai mencuri, dan orang yang melakukan perbuatan adalah salah satu perbuatan *mazmūmah* yang tercela. Nasihat ini mencerminkan nilai-nilai tanggung jawab terhadap hak milik orang lain dan kejujuran terhadap diri sendiri. Allah melarang keras perbuatan memakan harta orang lain secara salah berdasarkan firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ...﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya...)” (Al-Nisā’ 4:29)

⁴² Abd al-‘Azīz Sayyid Nadā’, *Mausū’ah al-Adab al-Islāmiyyah al-Murattabah ‘alā al-Hurūf al-Hijāiyyah*, 705.

⁴³ *Ibid.*, 706.

⁴⁴ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 14.

Bukan sekadar itu sahaja, Rasūlullah SAW sendiri mengancam sesiapa yang memakan harta orang lain secara haram akan diancam dengan azab api neraka Allah. Hal ini seperti sabda Rasūlullah SAW yang diriwayatkan oleh Ka'ab bin Ujrah:

عَنْ كَعْبَ بْنِ عَجْرَةَ، قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: يَا كَعْبَ بْنَ عَجْرَةَ، إِنَّهُ لَا يَرْبُو لَحْمَ نَبْتِ مِنْ
سَحْتٍ إِلَّا كَانَتِ النَّارُ أَوْلَى بِهِ

Maksudnya: Daripada Ka'ab bin Ujrah dia berkata, bahawa Rasūlullah SAW bersabda kepadanya: “Wahai Ka'ab bin Ujrah, sesungguhnya tidaklah tumbuh daging daripada yang haram kecuali api neraka berhak kepadanya.”⁴⁵

Menurut Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, meskipun buah-buahan di kebun yang dimiliki orang lain itu telah pun busuk atau rosak, tidak boleh untuk mengambilnya tanpa keizinan daripada pemilik kebun tersebut, sebaliknya haruslah mencari pemilik atau warisnya dan memberitahu hal tersebut kepadanya serta meminta untuk dihalalkan mengambil buah tersebut sekiranya diizinkan melakukan demikian⁴⁶.

Fasal Kedua Puluh Dua

Penulis dalam fasal kedua puluh dua membahaskan nasihat kepada kanak-kanak dan pembaca untuk bersifat ihsan terhadap makhluk Allah khususnya haiwan seperti yang dinyatakan dalam nasihat penulis:

18

“MENYEKSA BINATANG”

<i>Hai murid</i>	“Sekali-kali jangan menyeksa binatang-binatang jika kamu ber-jumpa sa-macham mana kecil sakali pun binatang dan unggas-unggas (<i>burong</i> ²) itu” ⁴⁷
------------------	---

Perbuatan belas ihsan sesama makhluk Allah adalah sangat dituntut dalam Islam bukan sekadar kepada manusia, tetapi juga kepada haiwan bahkan tumbuhan juga. Penulis melalui karyanya menegur dan menasihati pembaca agar tidak berlaku zalim apatah lagi menyakiti dan menyeksa haiwan dengan mencederakan atau membunuh haiwan yang tidak mengancam keselamatan atau nyawa manusia. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Jābir bin ‘Abdullah:

⁴⁵ Hadīth riwayat al-Tirmizī, Abwāb al-Safar, Bab Ma Dhukira fī Fadhl al-Salāh, no. Hadith 614. Al-Tirmizi memberikan taraf hasan ghārib pada hadith ini, manakala al-Albānī menilainya sebagai sahih. Lihat Abū ‘Isā Muhammad bin ‘Isā al-Tirmizī, “Sunan al-Tirmizī” ed. Ahmad Muhammad Syākir (Kaherah: Mathba’ah al-Babī al-Halabī, 1975). j. 2, 512.

⁴⁶ Zulkifli Mohamad al-Bakri, “#1541: Mengambil Buah-buahan dari Kebun yang Tidak Diketahui Pemiliknya,” laman sesawang Maktabah al-Bakri, dicapai 5 Januari 2024, <https://maktabahalbakri.com/1541-mengambil-buah-buahan-dari-kebun-yang-tidak-diketahui-pemiliknya/>

⁴⁷ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 14.

عن جابر بن عبد الله أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَيْهِ حَمَارٌ قَدْ وَسَمَ فِي وَجْهِهِ. فَقَالَ: لَعْنَ اللَّهِ الَّذِي وَسَمَ

Daripada Jābir bin ‘Abdullah bahawa seekor keldai pernah melintas dihadapan Nabi SAW di mana terdapat kesan dicucuh api pada mukanya. Maka baginda bersabda: Allah telah melaknat orang yang mencucuh api pada muka keldai itu.”⁴⁸

Pada masa yang sama, Rasūlullah SAW sendiri telah menunjukkan akhlak mulia apabila berinteraksi dengan haiwan sesuai dengan pengutusan baginda sebagai rahmat kepada seluruh alam. Sebagai contoh, Rasūlullah SAW sentiasa berlemah lembut kepada kucing dan sering memberi makan dan minum kepadanya seperti yang diriwayatkan oleh ‘Āisyah:

عن عائشة، قالت: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يضع لها الإناء فتشرب، ثم يتوضأ بفضلها

يعني: الهرة

Maksudnya: Daripada ‘Aisyah dia telah berkata: Rasūlullah SAW meletakkan sebejana air untuk diminum kucing, dan baginda menggunakan baki air tersebut untuk berwuduk selepas kucing selesai meminumnya.⁴⁹

Fasal Kedua Puluh Tiga

Dalam fasal yang terakhir, penulis menyampaikan nasihatnya kepada pembaca agar menjauhi amalan merokok. Nasihat ini adalah yang paling panjang daripada keseluruhan nasihat penulis berkenaan pemeliharaan kelakuan. Berikut dinukilkkan nasihat penulis:

23

“MENGISAP ROKOK”

Hai murid

“Jangan sekali-kali kamu menchuba menghisap sebarang rokok oleh tiru-tiru bagi orang tua. Ada-lah rokok itu sangat-lah gemar⁵⁰ kesukaan orang ramai sa-olah jadi satu kemanisan pada-nya maka ada-lah menghisap rokok itu sudah di-ketahwi mereka itu banyak benchana-nya ia-lah setengah-nya menjadi-kan mulut dan kerongkong kering menjadi-kan batok dan penyakit jantong di-dalam badan dan memendik-kan napas dan merosak-kan saloran penjerna-an makanan. Jika ber-lanjot-an menghisap rokok maka lebeh susah pula hendak memberhenti-

⁴⁸ Hadīth riwayat Muslim, Kitab al-Libās wa al-Zīnah, Bab al-Nahī ‘an Darb al-Hayawān fi Wajhihi wa Wasama Fīhi, no Hadith 2117. Lihat Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj, “Sahīh Muslim,” j.3, 1673.

⁴⁹ Hadīth riwayat al-Tabrānī, Bab al-Mīm, Man Baqiyah Min Awwal Ismuhi Mīm Man Ismuhi Musā, no. Hadīth 7949. Lihat Sulaymān ibn Ahmad al-Tabrānī, “Al-Mu’jam al-Awsat,” j. 8, 55.

⁵⁰ Sultan Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*, 14.

kan dia menjadi ketageh ka-pada-nya. Apa-lah daya sudah ter-hisap ini lah hendak ingat sangat sangat jangan di chuba chuba di buat main main di-sangka ka elok-kan duit habis rosak.”⁵¹

Penulis menasihati pembaca khususnya kanak-kanak untuk tidak mencontohi perbuatan orang-orang tua yang merokok kerana ia adalah suatu contoh tabiat yang buruk dan memudaratkan kesihatan diri. Sendiri. Penulis mengatakan bahawa pada waktu itu, rokok menjadi kegemaran ramai orang dan menjadi tabiat yang sukar untuk ditinggalkan. Rokok diketahui mendatangkan mudarat terhadap kesihatan, bukan hanya pada penghisap tetapi juga pada orang sekeliling yang menghidu asap rokok. Penulis memberikan amaran bahawa rokok akan mengakibatkan batuk atau pun kini dikenali sebagai tuberkulosis, nafas menjadi pendek di mana sel-sel peparu akan terjejas dan menjurus kepada kanser peparu, serta penyakit jantung dan masalah pencernaan makanan.

Penulis juga mengingatkan pembaca terhadap bahaya kesan menghisap rokok iaitu ketagihan disebabkan bahan nikotin dalam tembakau yang menyukarkan penghisap untuk meninggalkan tabiat tersebut. Satu peringatan diberikan penulis kepada kanak-kanak agar jangan sesekali mencuba untuk menghisap rokok kerana perbuatan menghisap rokok ini meskipun seolah-olah baik kerana dilakukan ramai orang, tetapi ianya suatu pembaziran dan mendatangkan kemudaratkan kepada kesihatan tubuh badan.

Penulis menutup nasihatnya dengan serangkap pantun:

*Sangka-nya jadi elok diri,
Sebab di makan ber-peri,
Habis duit ibu bapa menchari,
Kesihatan badan habis lari.*

Kesimpulan

Karya Sultan Alauddin Suleiman Shah berjudul *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak* telah menjadi suatu petunjuk jelas bahawa ketokohan baginda dalam ilmu Islam yang berkaitan dengan akhlak Islam yang diperlukan untuk meningkatkan martabat umat Islam dalam membentuk wajah umat Islam yang berperibadi mulia. Kebijaksanaan baginda dalam mengarang karya yang ringkas namun sarat dengan nasihat, teguran dan saranan khusus kepada kanak-kanak yang menjadi sasaran pembacanya. Keprihatinan baginda terhadap pembangunan akhlak Islam amatlah disanjung tinggi dan amat dihargai. Baginda dengan penuh kebijaksanaan dan kealiman tidak hanya menekankan kemajuan fizikal dan ekonomi, tetapi juga memberikan tumpuan kepada peningkatan nilai-nilai moral dan spiritual dalam masyarakat.

⁵¹Ibid., 15.

Rujukan

- Abd al-‘Azīz Sayyid Nadā’, *Mausū’ah al-Adab al-Islāmiyyah al-Murattabah ‘alā al-Hurūf al-Hijāiyah*. Al-Riyaḍ: Dār Taybah li al-Nashr wa al-Tauzi’, 2007.
- Abdullah Nāsiḥ ‘Ulwān, *Tarbiyyah al-Aulād fī al-Islām*. Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā’ah wa al-Nashr wa al-Tauzi’, 1992.
- Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj, *Sahīh Muslim*. ed. Muhammad Fuad Abd al-Bāqī, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1955.
- Abū Dāwud Sulayman bin al-‘Ash’ath al-Azdi al-Sijistānī, *Sunan Abi Dāud*. ed. Shuayb al-Arnāūt dan Muhammad Kāmil Qurrah Bali, Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ilmiyyah, 2009.
- Abū ‘Isā Muhammad bin ‘Isā al-Tirmizī, *Sunan al-Tirmizī*. ed. Ahmad Muhammad Syākir (Kaherah: Mathba’ah al-Babī al-Halabī, 1975).
- Abū Hatim Muhammad ibn Hibbān, *Sahīh Ibn Hibban: al-Musnad al-Sahīh ‘ala al-Taqāsīm wa al-Anwa’*. ed. Muhammad ‘Ali Sonmez dan Khālis Aydemir. Beirut: Dār Ibn Hazm, 2012.
- Ahmad Zaki Hj. Arshad, "Hubungan Antara Umara' Dan Ulama Di Bawah Pemerintahan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor," Makalah, Seminar Tokoh Ulama Selangor, 2008.
- Aida S., Virgillia Ryan, Hermin F. et. al., "Standing Party dalam Perspektif Islam, Kesehatan dan Budaya Indonesia," *Jurnal Kesehatan Pena Medika* 9.1 (2019), 1-8.
- Luqman Tarmizi, "Al-Kafi #914: Hukum Makan dan Minum Sambil Berdiri," laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 5 Januari 2024, <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2797-al-kafi-914-hukum-makan-dan-minum-sambil-berdiri>
- Muhammad ‘Alī al-Šābūnī, *Safwah al-Tafāsīr*. Kaherah: Dār al-Šābūnī li at-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tauzī’, 1997.
- Muhammad Ariff Ahmad, *Bicara tentang Adat dan Tradisi*. Singapura: Pustaka Nasional, 1993.
- Muhammad bin Ibrāhīm bin Sa’dillah ibn Jamā’ah, *Tazkirah al-Sami’ wa al-Mutakallim fi Adab al-‘Alim wa al-Muta’allim*. ed. Muhammad bin Mahdi al-‘Ajmī Beirut: Dār al-Baṣāir al-Islāmiyyah, 2012.
- Muhammad Nāsir al-Dīn bin al-Hāj Nuh al-Albānī, *Al-Ta’liqāt al-Hasān ‘ala Sahīh Ibn Hibban*. Jeddah: Dār Ba Wazīr li al-Nashr wa al-Tauzi’, 2003.
- Siti Kamilah Mohd Fauzi dan Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, "Pendidikan Di Selangor Era Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1887-1938): Sorotan Literatur," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1. 2 (2018), 59-64.
- Siti Mukmina Jaafar, "Songkok dan Capal: Satu Perusahaan Tradisi Keturunan Melayu Minangkabau" Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2005.
- Siti Raudah Abdul Karim, Huzaiman Ismail dan Norhapizah Mohd Burhan. "Al-Ghazali's Education Theory Towards Islamic Lifelong Learning." *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 8. 1 (2021), 69-83.

Siti Zainon Ismail, "Konsep Adat Pakaian Cara Melayu Sentuhan Tenunan dalam Busana Melayu." Makalah, Seminar Tekstil Antarabangsa Tenunan Nusantara: Identiti dan Kesinambungan Budaya, 2009.muk

Sulaymān ibn Ahmad al-Tabrānī, *Al-Mu'jam al-Awsat*. ed. Tāriq bin 'Audallah dan Abd al-Muhsin bin Ibrāhīm, Kaherah: Dār al-Haraman, 1995.

Sultan 'Alauddin Suleiman Shah, *Nasihat Pemeliharaan Guru – Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak*. Klang: t.p., 1930.

Youssef Ben Ismail, "A History of the Ottoman Fez before Mahmud II (ca. 1600–1800)." *Muqarnas Online* 38, no.1 (2021), 155-183.

Zulkefli Aini, Ahmad Irdha Mokhtar dan Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, "Mesej Dakwah Dari Istana: Tinjauan Terhadap Kitab Jawi Ilmu Tawhid Karangan Al-Marhum Sultan Alauddin Shah Ibn Al-Marhum Raja Musa (Mangkat 1357H/1938M)." Makalah, Nadwah Ulama Nusantara VI, 2015.

Zulkifli Mohamad al-Bakri, "#1541: Mengambil Buah-buahan dari Kebun yang Tidak Diketahui Pemiliknya," laman sesawang *Maktabah al-Bakri*, dicapai pada 5 Januari 2024, <https://maktabahalbakri.com/1541-mengambil-buah-buahan-dari-kebun-yang-tidak-diketahui-pemiliknya/>